
MESYUARAT MAJLIS MINERAL NEGARA PERTAMA 16 FEBRUARI 2021

YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Mineral Negara Pertama yang diadakan secara dalam talian pada hari ini. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Persekutuan, Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri.

Mesyuarat ini merupakan mesyuarat pertama Majlis Mineral Negara (MMN) setelah Jemaah Menteri pada 28 Ogos 2020 bersetuju ia diwujudkan semula. MMN pernah ditubuhkan menerusi keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Disember 1998, namun Jemaah Menteri pada 6 November 2009 telah bersetuju untuk menggabungkan MMN dengan Majlis Tanah Negara (MTN) berdasarkan kepada isu tanah dan perlombongan yang saling berkait rapat.

MMN yang diwujudkan semula ini akan menjadi platform utama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membincangkan isu-isu dasar dan operasi berkaitan industri mineral dalam usaha mewujudkan perlombongan mampan (*sustainable mining*) selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuhkan kembali peranan industri mineral dan sektor perlombongan sebagai komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Pada Mesyuarat MMN kali ini, terdapat **tujuh (7) kertas telah dibentangkan** yang menyentuh mengenai beberapa dasar penting berkaitan dengan pelan transformasi industri mineral, prosedur operasi standard perlombongan dan pengeksportan mineral, pengezonan kawasan mineral dan kemampuan industri perlombongan dan perkuarian di Malaysia.

MMN bersetuju dengan cadangan **kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021 - 2030 (TIM 2021 - 2030) sebagai agenda baru pembangunan industri mineral di Malaysia**. Pelan ini bertujuan untuk **membangunkan industri mineral secara menyeluruh dan bersepadu melalui transformasi di setiap**

peringkat rantai nilai iaitu sektor hulu, pertengahan dan hilir bagi memastikan industri mineral dapat dibangunkan secara holistik dan memberi pulangan jangka panjang serta sebagai salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara. MMN juga akan memantau pelaksanaan TIM 2021 - 2030 yang sedang diusahakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

MMN juga bersetuju dengan **kerangka dokumen-dokumen Prosedur Operasi Standard (SOP) Aktiviti Perlombongan dan Pengeksportan Bauksit dan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Malaysia**. SOP ini akan dijadikan sebagai rujukan dan panduan oleh pihak-pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi persekutuan dan negeri, penggiat industri, badan-badan profesional, ahli-ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam. Inisiatif Kerajaan dalam merangka dokumen ini mampu memastikan pelaksanaan **aktiviti perlombongan ini diusahakan secara mampan**.

MMN dimaklumkan tentang **cadangan pengezonan kawasan yang berpotensi** untuk perlombongan dan perkuarian dalam proses perancangan fizikal negara. Aktiviti pemetaan sumber mineral akan mengambil kira status tanah dan pembangunan di sekitar kawasan tersebut bagi mendapatkan maklumat tepat kawasan yang mempunyai nilai mineral yang ekonomik untuk dilombong. Ini bagi membolehkan **Pihak Berkuasa Negeri mewartakan zon perlombongan di dalam Pelan Struktur Negeri masing-masing**. Pewartaan zon perlombongan ini seterusnya diselaraskan dalam Rancangan Tempatan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

MMN juga dimaklumkan tentang **status penarafan kemampuan industri perlombongan dan perkuarian di Malaysia melalui penggunaan kaedah Petunjuk Pembangunan Mampan (SDI)**. Dalam petunjuk kemampuan tersebut, aspek penting yang diambil kira adalah bagi menggalakkan industri perlombongan dan perkuarian Malaysia berkembang dan membangun secara mampan dengan disokong oleh elemen pelaksanaan dasar, prosedur, garis panduan serta sistem kawal selia yang lengkap. Dalam jangka masa panjang, pembangunan mampan industri turut akan menghasilkan faedah-faedah lain seperti penambahan peluang pekerjaan, peningkatan hasil dan pengeluaran, pembangunan pembelajaran, peningkatan

sumbangan kepada masyarakat setempat, peningkatan penglibatan wanita dan seterusnya melindungi hak-hak para pekerja.

Bagi memacu pembangunan industri unsur nadir bumi (REE) di negara ini, MMN kali pertama ini juga dimaklumkan tentang **isu-isu penyelidikan dan pembangunan serta isu komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam mengenai industri REE yang dikenal pasti dalam kajian-kajian yang dilaksanakan oleh Akademi Sains Malaysia** sebelum ini. Pembentangan mengenainya turut memberikan **cadangan kolaborasi** yang wajar dilaksanakan bagi mengatasi isu-isu yang dibangkitkan tersebut.

Selain itu, MMN turut mendengar pembentangan dari Agensi Angkasa Malaysia mengenai **penggunaan teknologi angkasa bagi tujuan eksplorasi dan pemantauan sumber mineral negara**. Ia merangkumi pembentangan mengenai **keupayaan teknologi** angkasa khususnya teknologi *remote sensing* dalam pencerapan maklumat muka bumi untuk manfaat eksplorasi, perancangan dan pemantauan aktiviti berkaitan perlombongan mineral dan kuari, serta **ketersediaan kepakaran** teknologi di agensi tersebut untuk tujuan pembangunan atau pengoperasian.

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH

16 FEBRUARI 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)



KeTSAMalaysia